

KETIDAKHADIRAN TERTUDUH DAN PELAKSANAAN DNAA DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN: SATU KAJIAN ANALITIK

THE NON-APPEARANCE OF THE ACCUSED AND THE APPLICATION OF DISCHARGE NOT AMOUNTING TO ACQUITTAL (DNAA) IN THE FEDERAL TERRITORIES SYARIAH COURTS: AN ANALYTICAL EXAMINATION

ⁱ*Ahmad Muttaqi bin Ismail, ⁱAbidah binti Abdul Ghafar, ⁱNur Al-Farhain Kamaruzaman

ⁱ*Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

*(Corresponding Author): muttaqiismail81@gmail.com, abidah@usim.edu.my, farhain@usim.edu.my

ABSTRAK

Perintah dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) merupakan salah satu bentuk perintah yang boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam prosiding jenayah syariah, khususnya apabila berlaku ketidakhadiran tertuduh semasa perbicaraan. Perintah ini tidak membawa kepada pembebasan mutlak, namun pelaksanaannya mempunyai implikasi penting terhadap hak tertuduh, budi bicara mahkamah dan tanggungjawab pihak pendakwaan. Artikel ini menganalisis pelaksanaan perintah DNAA dalam konteks ketidakhadiran tertuduh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dengan meneliti asas perundangan, prinsip pelaksanaan serta justifikasi pengeluarannya. Perbincangan turut menilai faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syarie sebelum mengeluarkan perintah DNAA, termasuk kepentingan keadilan, pematuhan prosedur dan kesediaan pihak pendakwaan untuk meneruskan pendakwaan. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan melalui analisis peruntukan undang-undang, penulisan akademik dan kes-kes Mahkamah Syariah yang diputuskan di Wilayah Persekutuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketidakhadiran tertuduh tidak secara automatik mewajarkan perintah DNAA, sebaliknya memerlukan penilaian kehakiman yang teliti dan berimbang. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman serta amalan profesional dalam kalangan Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan Hakim Syarie bagi memastikan pelaksanaan keadilan dalam sistem jenayah syariah.

Kata kunci: DNAA, lepas tanpa bebas, implikasi, pendakwa syarie, ketidakhadiran, Mahkamah Syariah

ABSTRACT

A Discharge Not Amounting to an Acquittal (DNAA) is one of the orders that may be issued by the Syariah Court in Syariah criminal proceedings, particularly when the accused fails to appear during the trial. Such an order does not result in an absolute acquittal; however, its implementation carries significant implications for the rights of the accused, judicial discretion, and the responsibilities of the prosecution. This article analyses the application of DNAA orders in the context of the accused's absence in the Syariah Court of the Federal Territories by examining the legal basis, principles of application, and justifications for their issuance. The discussion also evaluates the factors that must be considered by a Syariah Judge before issuing a DNAA order, including the interests of justice, procedural compliance, and the readiness of the prosecution to proceed with the case. The research methodology adopted is a library-based study involving an analysis of statutory provisions, academic writings, and Syariah Court cases decided in the Federal Territories. The findings indicate that the absence of the accused does not automatically justify the issuance of a DNAA order; rather, it requires

careful and balanced judicial assessment. This study is expected to enhance understanding and professional practice among Syariah Prosecutors, Syariah Lawyers, and Syariah Judges in ensuring the proper administration of justice within the Syariah criminal justice system.

Keyword (s): DNAA, discharge not amounting to an acquittal, implications, Syariah prosecutor, absence, Syariah Court

PENDAHULUAN

Sistem keadilan jenayah dalam mana-mana masyarakat bertamadun menuntut ketelitian dalam menjatuhkan hukuman, khususnya apabila melibatkan kebebasan atau nyawa individu. Di Malaysia, perintah dilepaskan tanpa dibebaskan atau “*Discharge Not Amounting to An Acquittal*” (DNAA) merupakan satu bentuk keputusan Mahkamah apabila pihak pendakwaan memohon agar pendakwaan dihentikan sementara kerana kekurangan bukti. Walaupun bersifat teknikal dalam undang-undang sivil, prinsip DNAA menunjukkan keserasian yang mendalam dengan nilai-nilai keadilan Islam, khususnya dalam hal menjaga hak tertuduh daripada kezaliman akibat pembuktian yang tidak mencukupi.

Perintah DNAA juga membolehkan pendakwaan semula dengan bukti yang lebih kukuh, dan ini akan mendorong kepada pendakwaan yang tidak dapat dicabar pihak pembelaan (Haidar, 2023). Pendekatan ini selaras dengan prinsip keadilan dalam Islam yang menegaskan bahawa hukuman jenayah tidak boleh dijatuhkan melainkan setelah dibuktikan dengan bukti yang jelas, kukuh dan boleh dipercayai. Prinsip Syariah berkaitan prosedur pendakwaan adalah bertitik tolak dari konsep Syariah mengenai keadilan (Shariff, A. A. M. 2011). Kepentingan menegakkan keadilan dan kebenaran ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran, sebagaimana firman-Nya:

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah, walaupun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa atau kaum kerabatmu...”

(Surah an-Nisa: 135)

Dalam undang-undang Islam, terdapat prinsip yang amat penting dalam kes jenayah:

“Idra’u al-hudud bi al-shubhat – Tolaklah hukum hudud jika terdapat syubhat (keraguan).”

(Hadis riwayat al-Tirmizi dan al-baihaqi)

Hadis ini menjadi prinsip utama dalam perundangan Islam bahawa apabila terdapat keraguan atau bukti belum mencukupi, maka pelaksanaan hukuman harus ditangguhkan atau tidak dijalankan. Prinsip ini memperlihatkan keserasian antara pelaksanaan perintah DNAA dalam sistem kehakiman dengan nilai-nilai keadilan Islam iaitu mengelakkan kezaliman terhadap tertuduh yang belum dibuktikan kesalahannya secara sah.

Perintah DNAA juga merupakan antara pilihan terbaik pihak pendakwaan untuk memberhentikan prosiding pendakwaan bagi mendapatkan bukti tambahan atau maklumat baharu yang berkaitan bagi menyokong kes pendakwaan mereka (Roslan, S., & Khalid, M. K. A. 2023). Selain daripada itu, perintah DNAA juga dibuat bagi melindungi hak tertuduh daripada prosiding yang terburu-buru bagi memastikan bahawa keadilan ditegakkan dengan lebih teliti dan berintegriti.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan secara menyeluruh mengenai definisi perintah DNAA, justifikasi pelaksanaannya dalam sistem kehakiman jenayah, serta

impaknya terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam kes jenayah Syariah. Melalui analisis ini, diharap dapat diperjelaskan bagaimana perintah DNAA bukan sahaja relevan dari sudut undang-undang sivil tetapi juga sejajar dengan prinsip-prinsip keadilan yang menjadi teras kepada undang-undang Islam.

SOROTAN LITERATUR

Sebelum kajian ini dijalankan, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan isu berkaitan dengan skop perintah DNAA dalam konteks pendakwaan jenayah Syariah. Namun begitu, masih belum terdapat kajian khusus yang meneliti secara mendalam isu pelaksanaan dan implikasi perintah DNAA di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan secara komprehensif.

Secara umumnya, Pendakwa atau *Mudda'ie* ialah pihak yang akan melaksanakan pendakwaan jenayah Syariah terhadap tertuduh. Ianya pada kebiasaan dipikul oleh pegawai pendakwa syarie atau *mudda'ie fi al dakwa al jinaiyyah* yang dilantik khas serta diamanahkan untuk melaksanakan sebarang tugas pendakwaan (Dr. Muhammad al Zuhaili, 2008). Di dalam kes jenayah Syariah, arahan atau keputusan untuk membuat pendakwaan terhadap sesuatu kes yang telah sempurna sisatannya mestilah dibuat oleh Ketua Pendakwa Syarie seperti yang telah dinyatakan di dalam seksyen 181 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]. Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan dan memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, keputusan untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan prosiding tidak boleh berlaku sewenang-wenangnya, tetapi tertakluk kepada pertimbangan perundangan yang mendalam (Taufiq A. Rashid & Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz, 2019).

Dalam aspek pendakwaan jenayah pula bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia membabitkan iltizam dan kesungguhan dalam menegakkan keadilan, tambahan pula proses ini melibatkan masa hadapan suspek. Kebanyakan hal, sesuatu pendakwaan banyak bergantung kepada kesempurnaan fail kes yang disediakan oleh pihak penguatkuasa agama. Jika kes sempurna, yakni, maklumat mencukupi, bahan bukti juga boleh mengaitkan suspek dengan sesuatu kesalahan, maka keyakinan pendakwa membawa kes juga akan meningkat (Siti Zubaidah, 2008).

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa kuasa untuk memberhentikan prosiding adalah kuasa mutlak Ketua Pendakwa Syarie seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang. Namun demikian, penggunaan kuasa tersebut haruslah terhad dan tidak boleh disalahguna agar tidak menjejaskan pelaksanaan keadilan. Malangnya, tiada kajian khusus yang mengupas secara terperinci mengenai maksud sebenar memberhentikan prosiding serta alasan-alasan yang boleh dijadikan sandaran untuk prosiding kes tersebut diberhentikan, terutama dalam situasi di mana tertuduh dilepaskan tanpa dibebaskan.

Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi kekosongan tersebut dengan membincangkan aspek definisi, justifikasi, serta implikasi pelaksanaan perintah DNAA dalam konteks jenayah Syariah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi memainkan peranan yang sangat penting untuk mencapai objektif sesuatu kajian. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjawab persoalan kajian. Fasa pengumpulan data terbahagi kepada dua jenis, iaitu data primer dan data sekunder. Antara data primer yang digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini termasuklah al-Quran, hadis, kes jenayah dan akta undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan. Data sekunder termasuklah buku, artikel, prosiding, jurnal, laman sesawang, kes yang dilaporkan dan rujukan dokumen yang berkaitan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan dipersembahkan dalam bentuk subtema.

DEFINISI PERINTAH DNAA DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, meskipun istilah “DNAA” tidak disebut secara khusus dalam undang-undang bertulis, konsepnya dapat difahami melalui peruntukan seksyen 103 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560], yang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menangguhkan atau memberhentikan prosiding sama ada dengan pelepasan penuh atau sebaliknya berdasarkan kepada permohonan Pendakwa Syarie. Kuasa ini selari dengan prinsip yang diperuntukkan di bawah seksyen 58(2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], yang menyatakan bahawa Ketua Pendakwa Syarie mempunyai budi bicara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding jenayah di Mahkamah Syariah.

Perintah DNAA ini lazimnya dibuat apabila pihak pendakwaan belum dapat membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh atau menghadapi kesukaran dalam mengemukakan saksi utama, namun tidak mahu menggugurkan kes secara keseluruhan melalui pembebasan muktamad (*acquittal*). Perintah sedemikian memberi ruang kepada pendakwaan untuk memperkemas bukti, menyusun semula kes, atau mendapatkan semula kehadiran saksi sebelum meneruskan pendakwaan baharu.

Sebaliknya, perintah “*Discharge Amounting to an Acquittal*” (DAA) menyebabkan tertuduh dilepaskan dan dibebaskan sepenuhnya, tanpa kemungkinan didakwa semula atas fakta kes yang sama, biasanya apabila tiada bukti mencukupi atau pihak pendakwaan memilih untuk menutup kes. Dengan itu, perbezaan utama ialah DNAA bersifat sementara dan memberi peluang untuk pendakwaan disambung, manakala DAA menandakan penutupan kes sepenuhnya dan membebaskan tertuduh daripada sebarang pertuduhan.

Secara substantif, perintah DNAA ini dilihat sebagai suatu mekanisme keadilan prosedural yang penting bagi mengimbangi antara hak tertuduh dan kepentingan awam. Ia juga mencerminkan prinsip Syariah yang menuntut agar hukuman tidak dijatuhkan dalam keadaan bukti yang tidak mencukupi atau diragui.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan pelaksanaan perintah DNAA yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dalam tempoh tiga tahun, bermula dari tahun 2022 hingga 2024. Tempoh masa ini dipilih bagi memberi tumpuan yang komprehensif terhadap corak pelaksanaan, asas perundangan, dan justifikasi permohonan perintah DNAA oleh pihak pendakwaan dalam prosiding jenayah Syariah.

Kajian terhadap tempoh ini membolehkan pengkaji menganalisis *trend* semasa berkaitan perintah DNAA, termasuk kekerapan perintah dikeluarkan, jenis kes yang terlibat, serta alasan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa syarie bagi menyokong permohonan

tersebut. Selain itu, ia juga memberi ruang kepada pengkaji untuk menilai keselarasan perintah DNAA dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada, terutamanya Akta 560 serta amalan terbaik kehakiman Syariah dalam menjamin keadilan terhadap semua pihak yang terlibat.

Jadual 1 : Statistik pendaftaran dan penyelesaian kes jenayah Syariah MSWPKL bagi tahun 2022 hingga 2024.

| Tahun | Daftar | Sabit Dengan Hukuman | DAA | DNAA | Tanggungan |
|---------------|--------------|----------------------|------------|--------------|------------|
| 2022 | 2,980 | 1,236 | 596 | 921 | 227 |
| 2023 | 831 | 658 | 73 | 57 | 43 |
| 2024 | 1,312 | 859 | 42 | 48 | 363 |
| Jumlah | 5,123 | 2,753 | 711 | 1,026 | 633 |

ANALISIS PUNCA DAN JUSTIFIKASI PERINTAH DNAA DI MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Analisis ini memberi tumpuan kepada faktor-faktor utama yang mendorong Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur meluluskan permohonan perintah DNAA dalam kes-kes jenayah Syariah sepanjang tiga tahun, iaitu dari 2022 hingga 2024. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan memahami justifikasi substantif di sebalik pelaksanaan perintah DNAA melalui kaedah analisis dokumen kes, temu bual bersama pegawai-pegawai Syariah, serta kajian terhadap kes-kes terpilih yang berkaitan.

Penelitian ini penting bukan sahaja kerana ia mendedahkan alasan utama yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan syarie dalam permohonan perintah DNAA, tetapi juga kerana ia dapat memberikan gambaran lebih jelas tentang amalan semasa dan aplikasi undang-undang berkaitan perintah tersebut. Melalui pendekatan ini, analisis dilakukan terhadap kedua-dua aspek perundangan dan operasi praktikal di Malaysia.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Unit Pendaftaran dan Rekod (UPRD), Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP), sejumlah 5,123 kes jenayah Syariah telah didaftarkan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur dalam tempoh 2022 hingga 2024. Daripada jumlah ini, 4,490 kes telah berjaya diselesaikan, sama ada melalui sabitan hukuman, perintah DNAA, atau DAA. Daripada jumlah kes yang telah diselesaikan tersebut, sebanyak 1,026 kes (22.9%) telah diperintahkan DNAA oleh Mahkamah.

Peratusan yang signifikan ini menunjukkan bahawa hampir satu daripada setiap lima kes yang diselesaikan tidak berakhir dengan sabitan, sebaliknya tertakluk kepada perintah DNAA. Keadaan ini memberi indikasi bahawa terdapat faktor-faktor tertentu yang menyebabkan pihak pendakwaan tidak dapat meneruskan kes, sekaligus memerlukan satu mekanisme perundangan seperti DNAA untuk menangguk prosiding secara sah.

Hasil analisis menunjukkan bahawa alasan paling dominan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa syarie dalam permohonan DNAA ialah ketidakhadiran Orang Kena Saman (OKS) atau Orang Kena Tangkap (OKT) semasa perbicaraan. OKS merujuk kepada individu yang didakwa atas kesalahan tidak boleh tangkap, manakala OKT pula ialah individu yang didakwa atas kesalahan boleh tangkap.

Perbezaan antara kesalahan boleh tangkap dan kesalahan tidak boleh tangkap dijelaskan dalam Seksyen 2 Akta 560. Menurut peruntukan tersebut, kesalahan boleh tangkap ditakrifkan sebagai kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih, yang pada lazimnya membolehkan Pegawai Penguat Kuasa Agama atau pegawai polis melakukan tangkapan tanpa waran. Sebaliknya, kesalahan tidak boleh tangkap ialah kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja, yang lazimnya tidak membenarkan tangkapan tanpa waran dibuat.

Ketidakhadiran tertuduh menyebabkan prosiding tidak dapat diteruskan, kerana Mahkamah tidak boleh menjalankan pendakwaan secara *in absentia* kecuali dalam situasi tertentu. Dalam keadaan ini, DNAA menjadi alternatif yang pragmatik bagi mengelakkan pembaziran masa Mahkamah, menjimatkan sumber pentadbiran, serta mengekalkan prinsip keadilan prosedural, kerana kes masih boleh dibuka semula apabila tertuduh dapat dikesan dan di bawa ke Mahkamah.

Permohonan perintah DNAA bukanlah suatu perintah yang mudah untuk diputuskan oleh Mahkamah, sebaliknya memerlukan alasan yang munasabah untuk dikemukakan dan dipertimbangkan oleh Mahkamah. Pelaksanaan seksyen 103 Akta 560 adalah berdasarkan kuasa Ketua Pendakwa Syarie sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 58(2) Akta 505, yang memberikan kuasa kepada Ketua Pendakwa Syarie untuk mengawal selia dan menentukan perjalanan setiap kes jenayah Syariah.

Sehubungan itu, pada tahun 2022, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP) telah membangunkan Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kes *Discharge Not Amounting to Acquittal* (DNAA) atau dilepaskan tanpa dibebaskan. SOP ini berfungsi sebagai panduan rasmi kepada Pendakwa Syarie dalam mengemukakan permohonan perintah DNAA di Mahkamah.

Berdasarkan SOP tersebut, ketidakhadiran OKT atau OKS merupakan salah satu alasan yang membolehkan sesuatu kes diperintahkan dilepaskan tanpa dibebaskan. Selain itu, setiap kes yang diperintahkan DNAA akan ditangguhkan buat sementara waktu dengan tindakan susulan yang perlu dilaksanakan, antaranya menjalankan siasatan lanjut, memohon pengeluaran waran tangkap, atau mengesan kedudukan semasa OKT atau OKS.

FAKTOR PENYUMBANG KEPADA KETIDAKHADIRAN OKT ATAU OKS PADA TARIKH PERBICARAAN

Kehadiran OKT atau OKS pada tarikh perbicaraan merupakan elemen penting dalam memastikan keberkesanan sistem keadilan jenayah di Malaysia. Ketidakhadiran mereka bukan sahaja menjejaskan perjalanan sesuatu kes, malah turut memberi implikasi kepada beban kerja Mahkamah, pihak pendakwaan, dan agensi penguatkuasaan. Analisis terhadap kes-kes perintah DNAA pada tahun 2022 hingga 2024 yang diperoleh daripada daripada UPRD JaPenSWP mendapati bahawa kesemua keputusan DNAA berpunca daripada ketidakhadiran tertuduh pada tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan. Fenomena ini menuntut penelitian mendalam terhadap faktor penyumbang yang membawa kepada situasi tersebut.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada ketidakhadiran OKT atau OKS ialah kegagalan menerima atau mengambil maklum tentang saman, waran, atau notis panggilan hadir ke Mahkamah. Dalam kebanyakan kes, masalah ini berpunca daripada kelemahan dalam sistem penyampaian maklumat dan komunikasi antara pihak berkuasa dengan tertuduh. Alamat tertuduh yang tidak dikemas kini, kesilapan dalam penghantaran dokumen, atau penerimaan dokumen oleh individu lain tanpa pengetahuan tertuduh menjadi antara penyebab utama kegagalan tersebut.

Selain itu, terdapat juga kes di mana tertuduh tidak memahami kepentingan notis Mahkamah yang diterima akibat tahap literasi undang-undang yang rendah. Hal ini membawa kepada tanggapan bahawa kehadiran ke Mahkamah tidak mendesak atau boleh ditangguhkan. Situasi ini menunjukkan perlunya mekanisme penyampaian yang lebih berkesan, seperti penggunaan sistem komunikasi digital berasaskan mesej teks, *e-mel* rasmi, atau aplikasi mudah alih bagi mengingatkan tertuduh tentang tarikh dan masa perbicaraan.

Faktor psikologi dan sosial turut memainkan peranan penting dalam menjelaskan ketidakhadiran tertuduh. Sebilangan OKT atau OKS mungkin berasa takut, cemas, atau enggan hadir ke Mahkamah kerana bimbang akan dikenakan hukuman atau kerana mempunyai persepsi negatif terhadap sistem keadilan. Rasa tidak yakin, kekurangan sokongan guaman, dan tekanan sosial turut menambah keengganan mereka untuk menghadiri perbicaraan.

Ketidakhadiran yang berpunca daripada faktor ini sering dikaitkan dengan tahap kesedaran undang-undang yang rendah dalam kalangan masyarakat. Ramai tertuduh tidak memahami hak serta tanggungjawab mereka dalam proses kehakiman, dan ada yang beranggapan bahawa ketidakhadiran boleh mengelakkan mereka daripada dihukum. Oleh itu, pendidikan undang-undang awam (*legal literacy programs*) dan kempen kesedaran tentang kewajipan hadir ke Mahkamah perlu diperhebatkan. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengurangkan ketidakhadiran, tetapi juga meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan negara.

Masalah logistik merupakan satu lagi faktor yang sering menyebabkan ketidakhadiran OKT atau OKS ke Mahkamah. Kekangan seperti jarak tempat tinggal yang jauh, kesukaran mendapatkan pengangkutan, faktor kewangan, serta masalah kesihatan sering menjadi penghalang kepada kehadiran tertuduh. Dalam sesetengah kes, tertuduh yang tinggal di luar kawasan bandar menghadapi kesukaran untuk sampai ke Mahkamah pada masa yang ditetapkan, terutamanya apabila perbicaraan dijalankan di lokasi yang jauh atau pada waktu yang tidak sesuai.

Masalah ini menunjukkan keperluan untuk menilai semula pendekatan pengurusan perbicaraan dengan mengambil kira faktor kemudahan dan kemampuan tertuduh. Mahkamah boleh mempertimbangkan penggunaan teknologi seperti sidang video (*virtual hearing*) bagi kes tertentu, atau menstruktur semula penjadualan kes supaya lebih fleksibel bagi individu yang menghadapi kesukaran perjalanan yang sah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan analisis dan penemuan kajian, beberapa langkah penambahbaikan dicadangkan bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kes jenayah Syariah, khususnya dalam menangani isu ketidakhadiran OKT atau OKS semasa perbicaraan.

1. Peningkatan Sistem Penyampaian Saman dan Notis

Penggunaan teknologi komunikasi moden seperti SMS, e-mel, dan aplikasi mudah alih dapat mempercepat dan mempermudah penyampaian notis Mahkamah. Pendekatan ini boleh mengurangkan kebergantungan kepada kaedah tradisional serta membolehkan setiap penyampaian direkodkan secara digital. Mahkamah juga perlu memastikan semua notis dihantar ke alamat terkini tertuduh dengan pengesahan penerimaan bagi mengelakkan kegagalan penyampaian.

2. Pendidikan dan Kesedaran kepada OKT atau OKS

Program kesedaran undang-undang perlu dipertingkatkan bagi memberi pemahaman kepada tertuduh tentang tanggungjawab dan implikasi ketidakhadiran ke Mahkamah. Jabatan Agama boleh memainkan peranan penting melalui kempen informasi, seminar, atau media digital. Semasa penyampaian saman, pegawai juga wajar memberikan penerangan yang jelas kepada tertuduh tentang hak mereka serta akibat undang-undang jika gagal hadir.

3. Penguatkuasaan Lebih Tegas dan Sistematis

Kerjasama antara jabatan Agama, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), dan Mahkamah perlu diperkukuhkan untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan kehadiran tertuduh. Penubuhan pasukan tindak balas cepat (*rapid response unit*) boleh membantu mengesan dan membawa kembali tertuduh yang gagal hadir. Di samping itu, peraturan berkaitan jaminan dan waran tangkap perlu dikaji semula agar pelaksanaannya lebih konsisten dan berkesan.

4. Penambahbaikan Prosedur Mahkamah

Mahkamah disaran memperhalusi prosedur perbicaraan dengan menyediakan kemudahan bagi memudahkan kehadiran tertuduh, termasuk sokongan pengangkutan, ruang menunggu yang ssuai, serta khidmat kaunseling undang-undang. Mahkamah juga boleh mempertimbangkan pelaksanaan pelaksanaan perbicaraan secara dalam talian (*virtual trial*) bagi kes-kes yang layak, bagi memastikan akses keadilan tidak terhalang oleh kekangan fizikal.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, ketidakhadiran OKT atau OKS pada tarikh perbicaraan berpunca daripada pelbagai faktor yang merangkumi aspek sistem komunikasi, psikologi, dan logistik. Kegagalan menerima makluman, ketakutan terhadap proses kehakiman, serta kekangan pergerakan merupakan penyebab utama kepada keputusan perintah DNAA yang menjejaskan keberkesanan sistem keadilan.

Bagi menangani isu ini, pendekatan bersepadu perlu dilaksanakan dengan menekankan penggunaan teknologi digital, peningkatan kesedaran undang-undang, penegasan penguatkuasaan, serta penambahbaikan prosedur Mahkamah. Pelaksanaan cadangan ini diharap dapat memperkukuh integriti dan kecekapan sistem keadilan jenayah Syariah serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keadilan yang dilaksanakan di bawah undang-undang Islam.

RUJUKAN

Haidar, (2023) *Di Sebalik salah Faham Keputusan ‘Dilepaskan Tanpa Dibebaskan’ Oleh Mahkamah*, Kolumnis@SPRM.

Shariff, A. A. M. (2011) *Prosedur pendakwaan jenayah Syariah: Analisis ke atas peruntukan undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997*. 15 JUUM.

Al-Quran. (n.d.). *Surah an-Nisa’* [4:135].

Al-Tirmizi & Al-Baihaqi. (n.d.). *Hadis riwayat al-Tirmizi dan al-Baihaqi: “Idra’u al-hudud bi al-shubahat”* [Tolaklah hukum hudud jika terdapat syubhah].

Roslan, S., & Khalid, M. K. A. (2023). DNAA juga membolehkan pendakwaan semula dengan bukti yang lebih kukuh. *Harian Metro*.

Dr. Muhammad al Zuhaili, (2008), *Al Ijra’at al Jinaiyyah al Syariyyah*, Jamiah al Syariqah, Imarat al Arabiyyah al Mutahaddidah, hlmn 40-41.

Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560].

Taufiq, A. R., & Tuan Nurhafiza, R. A. (2019). Persediaan pendakwaan dan peranan Ketua Pendakwa Syarie di Mahkamah Syariah. *Jurnal Maw’izhah*, 2, 86–93.

Siti Zubaidah Ismail. (2008). “Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis”. *Jurnal Syariah*.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Statistik pendaftaran dan penyelesaian kes jenayah Syariah MSWPKL bagi tahun 2022 hingga 2024, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP).

Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kes *Discharge Not Amounting to Acquittal* (DNAA) atau dilepaskan tanpa dibebaskan (2022). Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JaPenSWP).

TEMUBUAL

Temu bual bersama Tuan Muhamad Yusro bin Burhan Nordin, Timbalan Pengarah II, jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan pada 8 Oktober 2025.

Temu bual bersama YA Tuan Mohamed Fouzi bin Mokhtar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan pada 15 Oktober 2025.

Temu bual bersama Ustaz Faisal bin Ahmad, Pegawai Penguatkuasa Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 15 Oktober 2025.